

21/03/1997

Dr Mahathir tiba di Jeddah hari ini

Hafifi Hafidz in Jeddah

JEDDAH, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tiba di sini petang esok sebelum ke Riyadh untuk menerima anugerah Yayasan Raja Faisal, Sabtu ini.

Perdana Menteri yang dijangka diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, dijadualkan tiba jam 4 petang dan bertolak ke Makkah serta bermalam di sana.

Pada Sabtu, Dr Mahathir akan menemui ahli perniagaan dan dewan perdagangan di sini. Beliau dijangka memberi ucapan pada majlis makan tengah hari itu.

Sebelah petangnya, Perdana Menteri akan bertolak ke Riyadh untuk dibawa melawat Yayasan Al-Malik.

Malamnya, Perdana Menteri dan beberapa tokoh lain akan menerima anugerah itu yang akan berlangsung pada jam 8 malam (waktu tempatan) di Dewan Persidangan Pusat Al-Khozamah, Riyadh.

Dr Mahathir dipilih sebagai penerima Hadiah Antarabangsa Raja Faisal 1997 bagi kategori sumbangan terhadap Islam.

Dalam kenyataan ringkas yang dikeluarkan yayasan itu, Dr Mahathir disifatkan sebagai pemimpin negara Islam yang memberi sumbangan besar kepada Malaysia dan peringkat antarabangsa.

Menurut kenyataan itu, sejak menjadi Perdana Menteri 16 tahun lalu, Dr Mahathir disanjung dan dihormati kerana berjaya memperkenalkan dasar yang mampu merapatkan lagi hubungan serta kerjasama di kalangan rakyat Malaysia beragama Islam dan bukan Islam.

(END)